Pang Wee See dan seorang lagi (memohon untuk pihak mereka sendiri dan sebagai wakil litigasi bagi Pang Cheng Chuen, seorang kanak-kanak) lwn Pendaftar Besar Kelahiran dan Kematian, Malaysia

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — PERMOHONAN UNTUK SEMAKAN KEHAKIMAN NO 25–7–04 TAHUN 2015
MOHD YAZID H
11 OGOS 2016

Kewarganegaraan — Melalui operasi undang-undang — Deklarasi — Pemohon-pemohon memohon perintah deklarasi bahawa anak angkat didaftarkan sebagai warganegara — Taraf kewarganegaraan kedua-dua ibu bapa kandung anak tidak dapat dikesan — Sama ada anak warganegara Malaysia melalui operasi undang-undang — Akta Pengangkatan 1952 ss 6 & 25A — Perlembagaan Persekutuan perkara 14(1)(b)

Semakan kehakiman ini difailkan oleh pemohon-pemohon terhadap responden di atas kegagalan responden untuk mendaftarkan anak angkat pemohon-pemohon ('anak tersebut') sebagai warganegara menurut perintah mahkamah bertarikh 19 September 2014. Berdasarkan sijil kelahiran baru yang dikeluarkan oleh responden, pemohon pertama dicatatkan sebagai bapa kandung manakala pemohon kedua dicatatkan sebagai ibu kandung, namun taraf kewarganegaraan anak tersebut masih lagi didaftarkan sebagai bukan warganegara. Responden mendakwa bahawa taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung anak tersebut tidak dapat dikesan, oleh itu responden enggan untuk mendaftarkan anak tersebut sebagai warganegara. Pemohon-pemohon memohon perintah deklarasi bahawa anak tersebut didaftarkan sebagai warganegara Malaysia. Isu untuk penentuan mahkamah adalah sama ada anak tersebut boleh dikategorikan sebagai seorang warganegara Malaysia melalui operasi undang-undang menurut perkara 14(1)(b), Bahagian II, s (1), perenggan (e) s (3) Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan ('Perlembagaan') dibaca bersama ss 9 dan 25A Akta Pengangkatan 1952 ('Akta').

Diputuskan, membenarkan permohonan:

(1) Berdasarkan fakta kes, pihak-pihak tidak mempertikaikan anak tersebut dilahirkan di Malaysia dan keperluan perkara 14(1) Perlembagaan Persekutuan dipenuhi. Sijil kelahiran baru anak tersebut mencatatkan bahawa pemohon pertama sebagai bapa kandung dan pemohon kedua sebagai ibu kandung. Menurut ss 9(1) dan 25A Akta serta sijil kelahiran yang baru, melalui operasi undang-undang, keperluan di bawah Bahagian II, s 1(a) Jadual Kedua Perlembagaan telah dipenuhi. Oleh itu,

anak tersebut adalah seorang warganegara Malaysia melalui kuatkuasa undang-undang (lihat perenggan 24, 26, 30 & 34).

[English summary

This judicial review was filed by the applicants against the respondent due to the latter's failure to register the applicants' adopted child ('the child') as a citizen in accordance with the court's order dated 19 September 2014. Based on the new birth certificate issued by the respondent, the first applicant was recorded as the biological father while the second applicant was recorded as the biological mother. However, the child was still registered as a non-citizen. The respondent averred that the status of the citizenship of the child's biological parents could not be traced. Therefore, the respondent refused to register the child as a citizen. The applicants applied for a declaratory order that the child be registered as a Malaysian citizen. The issue that arose for the court's determination was whether the could be categorised as a Malaysian citizen by operation of law pursuant to art 14(1)(b), Part II, s (1), para (e) s (3) of the Second Schedule of the Federal Constitution ('the Constitution') read together with ss 9 and 25A of the Adoption Act 1952 ('the Act').

Held, allowing the application:

(1) Based on the facts of the case, the parties did not dispute that the child was born in Malaysia and that the requirement under art 14(1) of the Federal Constitution had been met. The new birth certificate of the child recorded the first applicant as the biological father while the second applicant, the biological mother. According to ss 9(1) and 25A of the Act and the new birth certificate, by operation of the law, the requirements under Part II, s 1(a) of the Second Schedule of the Constitution had been fulfilled. Therefore, the child was a Malaysian citizen by the enforcement of the law (see paras 24, 26, 30 & 34).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai deklarasi, lihat 1(3) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 4340.

Kes-kes yang dirujuk

Ahmad Jefri bin Mohd Jahri @ Md Johari v Pengarah Kebudayaan & Kesenian Johor & Ors [2008] 5 MLJ 773; [2008] 6 CLJ 473, MR (dirujuk)

Foo Toon Aik (suing on his own behalf and as representative of Foo Shi Wen, Child) v Ketua Pendaftar Kelahiran dan Kematian, Malaysia [2012] 9 MLJ 573, MT (dirujuk)

Lee Chin Pon & Anor v Registrar-General of Birth and Deaths, Malaysia [2010] (tidak dilaporkan), MT (dirujuk)

Leong Peng Kheong & Anor v Registrar-General of Births and Deaths

Malaysia Application for Judicial Review No 25–103–05 of 2014 (tidak dilaporkan) (dirujuk)

Leong Peng Kheong & Anor v Registrar-General of Births and Deaths Malaysia Application for Judicial Review No 25–102–05 of 2014 (tidak dilaporkan) (dirujuk)

Tenaga Nasional Bhd v Ong See Teong & Anor (suing on their behalf and for all parties who are the owners or tenants of the Kampung Sungai Terentang — which was served with a notice under ss 13 and 16 of the Electricity Supply Act 1990) [2010] 2 MLJ 155; [2010] 2 CLJ 1, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 s 27(3)

Akta Pengangkatan 1952 ss 5 , 9, 9(1), 25A, 25A(6)

Perlembagaan Persekutuan perkara 14(1)(b), 15A, Jadual Kedua, Bahagian II, 1(a), (1)(e), (3)

M Raymond Mah (Liow Pei Xia bersamanya) (Mah Weng Kwai & Assoc) bagi pihak pemohon.

Kogilambigai Muthusamy (Jabatan Peguam Negara, Bahagian Guaman) bagi pihak responden.

Mohd Yazid H:

PERMOHONAN PEMOHON-PEMOHON

[1] Pemohon-pemohon memohon:

(a) satu deklarasi bahawa Pang Cheng Chuen ('seorang anak ini') adalah seorang warganegara Malaysia melalui Operasi Undang-Undang disebabkan oleh kelahirannya dalam Negeri-Negeri Bersekutu Malaysia menurut art 14(1)(b), Bahagian II s (1) perenggan (e) seksyen (3) Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan;

(b) satu deklarasi bahawa anak ini adalah seorang warganegara Malaysia melalui operasi undang-undang kerana dia telah diambil menjadi anak angkat secara sah di sisi undang-undang oleh pemohon-pemohon menurut perintah pendaftaran bertarikh 19 September 2014 dalam Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dalam Kes Pengangkatan No 34–3–02 Tahun 2014, yang dibaca bersama ss 9 dan 25A Akta Pengangkatan 1952 dan art 14(1)(b), Bahagian II s (1) Perenggan (a) Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan;

(c) satu perintah certiorari untuk membatalkan keputusan responden bertarikh 13 Februari 2015 untuk mengeluarkan sijil kelahiran anak ini (No Siri 000957 XA) bertarikh 13 Februari 2015 (sijil kelahiran) dan

ditandatangani oleh responden yang mendaftarkan anak tersebut sebagai seorang bukan warganegara dan bukannya sebagai warganegara Malaysia;

(d) suatu perintah mandamus yang mengarahkan responden untuk mengeluarkan semula sijil kelahiran bagi anak ini untuk mendaftarkan anak ini sebagai warganegara Malaysia;

(e) kos; dan

(f) perintah-perintah dan/atau arahan-arahan sedemikian yang selanjutnya yang mungkin diberikan atau dibuat sebagai mahkamah yang mulia anggap sesuai dan adil dalam hal-hal keadaan kes itu.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[2] Pada 1 Mac 2016, saya telah membenarkan permohonan semakan kehakiman pemohon-pemohon. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, responden telah menfailkan notis rayuan kepada Mahkamah Rayuan Malaysia terhadap keseluruhan keputusan tersebut.

FAKTA KES

[3] Saya mendapati fakta kes adalah ringkas dan mudah. Anak ini dilahirkan pada 8 Mac 2001 di Taj Hospital, Jalan Ipoh Kuala Lumpur. Beberapa hari selepas dilahirkan, anak ini telah ambil dan dipelihara oleh pemohon-pemohon seperti anak kandungnya sendiri ekoran mereka tidak mempunyai anak.

[4] Pada 23 Ogos 2007, pemohon-pemohon melaporkan kelahiran anak ini di Jabatan Pendaftaran Negara, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sijil kelahiran dikeluarkan dan didaftarkan dengan nombor pendaftaran AV 07431, dimana Pang Wee See ('pemohon pertama') didaftarkan sebagai bapa kandung, dan Yee Oii Pah @ Yee Ooi Wah ('pemohon kedua') didaftarkan sebagai ibu kandung.

[5] Pada bulan Ogos 2013, anak ini telah hadir bersama dengan pemohon kedua di Jabatan Pendaftaran Negara Petaling Jaya bagi tujuan untuk memohon kad pengenalan kali pertama apabila anak ini mencapai umur 12 tahun.

[6] Permohonan tersebut telah ditangguh dan dipanjangkan ke Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan, Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Selangor. Hasil siasatan, Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Selangor mendapati bahawa pemohon pertama dan pemohon kedua bukannya ibu dan bapa kandung anak ini.

[7] Berdasarkan arahan daripada Pejabat Pendaftaran Negara, pada 6 Januari 2014, pemohon pertama dan pemohon kedua telah hadir ke Jabatan Pendaftaran Negara, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk memohon pembetulan maklumat di dalam daftar kelahiran selaras dengan peruntukan dibawah s 27(3) Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) bagi mengeluarkan nama mereka sebagai ibu dan bapa kandung kepada anak ini.

[8] Pada 21 Januari 2014, permohonan pembetulan maklumat telah diluluskan dimana didalam daftar sijil kelahiran anak ini diruangan ibu dan bapa kandung dicatitkan 'tidak diperolehi' dan taraf kewarganegaraan anak ini dicatitkan sebagai 'belum ditentukan'.

[9] Pada 25 Februari 2014, pemohon-pemohon telah melantik Tetuan Mah Weng Kwai & Associates dan mengarahkan peguambelanya menfailkan satu saman pemula di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk mengambil anak ini sebagai anak angkat. Saman pemula tersebut telah didaftarkan sebagai Kes Pengangkatan No 34–3–02 Tahun 2014.

[10] Pada 29 Mei 2014, permohonan pengangkatan tersebut telah didengar dan Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Dato' Noraini bt Abdul Rahman telah memberikan satu perintah interim, antara lainnya;

(a) bahawa Pejabat Kebajikan Masyarakat dilantik sebagai guardian ad litem untuk anak ini; dan

(b) bahawa Pejabat Kebajikan Masyarakat menyediakan satu laporan kebajikan untuk anak ini.

[11] Pada 19 September 2014, hakim Mahkamah Tinggi Dato' Noraini bt Abdul Rahman, setelah mendengar hujahan peguambela pemohon dan meneliti laporan pegawai kebajikan, hakim telah menerima laporan kebajikan yang telah disediakan oleh pegawai kebajikan dan memutuskan berdasarkan s 5 Akta Pengangkatan 1952, hakim membenarkan pengecualian persetujuan dari ibu bapa kandung anak ini kerana ibu bapa kandung anak ini tidak dapat dijumpai. Hakim yang bijaksana juga turut memutuskan bahawa anak tersebut dilahirkan di Malaysia dan hakim yang bijaksana kemudiannya telah memberi kuasa kepada pemohon-pemohon untuk mengambil anak ini sebagai anak angkat dan memberikan arahan-arahan yang diperlukan kepada Ketua Pendaftar Kelahiran untuk merekodkan pengangkatan tersebut dan mengeluarkan suatu sijil kelahiran dibawah Akta Pengangkatan 1952 menurut perintah bertarikh 19 September 2014.

[12] Setelah mengekstrakkan salinan termaterai perintah bertarikh 19 September 2014 tersebut, peguam pemohon-pemohon melalui surat

bertarikh 15 Januari 2015 telah mengemukakan sesalinan bermaterai perintah tersebut dan salinan asal sijil kelahiran anak tersebut kepada Jabatan Pendaftaran Negara bagi tujuan mendaftarkan pengangkatan tersebut dalam buku daftar kanak-kanak yang dijadikan anak angkat dan memperolehi suatu sijil kelahiran yang baru bagi anak tersebut.

[13] Pada 13 Februari 2015, peguamcara pemohon-pemohon telah pergi ke Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara di Putrajaya untuk memungut sijil kelahiran yang baru tersebut. Jabatan Pendaftaran Negara telah mengeluarkan sijil kelahiran yang baru (No 000957 XA) dan ditandatangani oleh responden. Sijil kelahiran tersebut mendaftarkan pemohon pertama sebagai bapa kandung dan pemohon kedua sebagai ibu kandung. Walaubagaimanapun, taraf kewarganegaraan anak tersebut masih didaftarkan sebagai bukan warganegara Malaysia.

[14] Atas arahan pemohon-pemohon, peguamcara pemohon-pemohon telah menulis surat kepada responden melalui surat bertarikh 17 Mac 2015 menyatakan tindakan responden yang mencatitkan taraf anak tersebut sebagai bukan warganegara di dalam sijil kelahiran yang baru adalah salah disisi undang-undang dan memohon supaya sijil kelahiran tersebut digantikan dengan sijil kelahiran yang mendaftarkan anak ini sebagai seorang warganegara Malaysia.

[15] Pada 19 Mac 2015, peguamcara pemohon telah cuba untuk menyampaikan surat tersebut tetapi seorang pegawai di Jabatan Pendaftaran Negara, Puan Isma enggan menerima surat tersebut. Peguamcara pemohon telah menjelaskan kandungan surat tersebut kepada Puan Isma, dan Puan Isma memaklumkan bahawa Jabatan Pendaftaran Negara telah memutuskan tidak akan mendaftarkan anak ini sebagai warganegara kerana Jabatan Pendaftaran Negara tidak mempunyai maklumat atau data mengenai kewarganegaraan ibu bapa kandung anak ini. Puan Isma juga menyatakan bahawa Jabatan Pendaftaran Negara tidak akan mendaftar anak ini sebagai warganegara berdasarkan perintah pengangkatan bertarikh 19 September 2014 dan selanjutnya menasihatkan kepada peguamcara pemohon untuk memohon pertimbangan untuk anak ini didaftarkan sebagai warganegara kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di bawah perkara 15A Perlembagaan Persekutuan.

[16] Walaupun begitu, Puan Isma telah mengakui menerima surat pendua tersebut dan mengembalikan surat tersebut kepada peguamcara pemohon.

[17] Selepas itu, peguamcara pemohon juga telah bertanya dengan Jabatan Kewarganegaraan JPN. Puan Hanizah dari Jabatan Kewarganegaraan telah memaklumkan kepada peguamcara pemohon langkah-langkah yang diperlukan bagi memohon kewarganegaraan anak ini dibawah perkara 15A

Perlembagaan Persekutuan. Puan Hanizah selanjutnya memaklumkan kepada peguamcara pemohon-pemohon bahawa tiada jaminan permohonan pemohon-pemohon dibawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan akan diluluskan.

[18] Ekoran daripada itu pada 8 April 2015, pemohon-pemohon telah menfailkan permohonan kebenaran untuk semakan kehakiman.

DAPATAN MAHKAMAH

[19] Adalah satu prinsip yang mantap iaitu di dalam permohonan semakan kehakiman bahawa kes-kes semakan kehakiman bukanlah untuk mencabar keputusan tetapi mengenai proses yang dilalui sebelum keputusan dibuat (rujuk kes *Ahmad Jefri bin Mohd Jahri @ Md Johari v Pengarah Kebudayaan & Kesenian Johor & Ors* [2008] 5 MLJ 773; [2008] 6 CLJ 473, yang memutuskan, '[15] Judicial review is not concerned with reviewing the merits of the decision but rather the decision making process itself'.

[20] Pemohon hendaklah memuaskan hati mahkamah bahawa keputusan yang ingin dibatalkan itu adalah tidak sah, tidak rasional, dibuat dengan ketidakaturan prosedur sebagaimana dijelaskan oleh Augustine Paul hakim Mahkamah Persekutuan di dalam *Tenaga Nasional Bhd v Ong See Teong & Anor (suing on their behalf and for all parties who are the owners or tenants of the Kampung Sungai Terentang — which was served with a notice under ss 13 and 16 of the Electricity Supply Act 1990)* [2010] 2 MLJ 155; [2010] 2 CLJ 1, memutuskan di perenggan '[38] ... the court will not conduct an examination into the merit of the decision but rather to the decision-making process unless the decision is illegal, irrational, made with procedural impropriety and disproportionate ...'.

ISU

[21] Berdasarkan penghujahan pihak-pihak, saya mendapati isu yang perlu dipertimbangkan oleh mahkamah ialah sama ada anak ini boleh dikatogerikan sebagai seorang warganegara Malaysia melalui operasi undang-undang menurut art 14(1)(b), Bahagian II, s (1) perenggan (e) s (3) Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan dibaca bersama ss 9 dan 25A Akta Pengangkatan 1952.

DAPATAN MAHKAMAH

[22] Bagi memutuskan isu di atas, saya mendapati undang-undang yang relevan adalah perkara 14(1)(b) dan Bahagian II s (1) perenggan (a) Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan, ss 9 dan 25A Akta Pengangkatan 1952.

[23] Perkara 14(1)(b) dan Bahagian II s (1) perenggan (a) Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan diperturunkan dan adalah dibaca sebagaimana berikut:

(a) Perkara 14 — Kewarganegaraan Melalui Kuatkuasa Undang-Undang:

(1) Tertakluk kepada peruntukan yang berikut dalam perkara ini orang yang berikut ialah warganegara melalui kuasa undang-undang iaitu,

a. ...

b. Tiap-tiap orang yang lahir di dalam persekutuan pada atau selepas merdeka

(b) Bahagian II Seksyen 1 perenggan a Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan:

Part II

[Article 14(1)(b)]

Citizenship by operation of law of persons born on after Malaysia day.

(1) Subject to the provisions of Part III of this Constitution, the following persons born on or after Malaysia Day are citizens by operating of law, that is to say

(a) Every person born within the Federation of whose parents one at least is at the time of the birth either a citizens or permanently resident in the Federation

[24] Berdasarkan kepada fakta kes, pihak-pihak tidak mempertikaikan anak ini dilahirkan di Malaysia, dilahirkan di Taj Hospital Jalan Ipoh Kuala Lumpur dan keperluan perkara 14(1) Perlembagaan Persekutuan dipenuhi. Namun begitu, ekoran kedua-dua ibu bapa kandung anak ini tidak dapat dikesan, saya mendapati keperluan Bahagian II s 1 perenggan (a) Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan tidak dipenuhi.

[25] Saya mendapati status anak ini berubah sebaik sahaja Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur membenarkan permohonan pemohon-pemohon untuk menjadikan anak ini sebagai anak angkat yang sah.

[26] Ekoran daripada perintah mahkamah tersebut, Jabatan Pendaftaran Negara telah mengeluarkan suatu sijil kelahiran baru (No 000957 XA) dibawah Akta Pengangkatan 1952 bertarikh 19 April 2014. Saya telah meneliti sijil kelahiran ini dan mendapati pemohon pertama dicatatkan sebagai bapa kandung manakala pemohon kedua dicatatkan sebagai ibu kandung. Walaubagaimanapun, taraf kewarganegaraan anak ini masih didaftarkan sebagai bukan warganegara Malaysia.

[27] Berdasarkan senario ini, saya mendapati ss 9 dan 25A Akta Pengangkatan 1952 adalah relevan dalam menentukan isu diatas, yang mana diperturunkan dan dibaca sebagaimana berikut:

Seksyen 9 Akta Pengangkatan 1952

9 Effect of adoption order

(1) upon an adoption order being made, all rights, duties, obligations and liabilities of the parents, guardian of the adoption child, in relation to the future custody, maintenance and education of the adopted child, including all rights to appoint a guardian or to consent or give notice of dissent to marriage shall be extinguished, and all such rights, duties, obligations and liabilities shall vest in and be exercisable by and enforceable against the adopter *as though the adopted child was a child born to the adopter in lawful wedlock*.

[28] Seksyen 25A Akta Pengangkatan 1952

25A Certificate of Birth. Act 299.

(1) ...

(2) ...

(3) ...

(4) ...

(5) the Certificate of Birth issued under this Act pursuant to an adoption order shall replace the Certificate of Birth of the child issued under the Births and Deaths Registration Act 1957,and shall for all purposes be known as the Certificate of Birth of the child.

(6) Notwithstanding anything to the contrary in any written law, the Certificate of Birth under this Act, if given under the hand of the Registrar General or any person authorized by him, shall be received without further or other proof as evidence of the facts and particulars relating to the birth of the child in respect of whom the Certificate of Birth was issued.

(7) ...

(8) ...

(9) ...

[29] Berdasarkan kepada s 9(1) Akta Pengangkatan 1952, *the adopted child was a child born to the adopter in lawful wedlock.* Begitu juga sub-s 6 s 25A memperuntukkan sebaik sahaja sijil kelahiran baru anak ini dikeluarkan, butiran-butiran yang dicatitkan dalam sijil pendaftaran tersebut hendaklah diterima sebagai fakta berkaitan dengan kelahiran anak ini yang mana sijil kelahiran pendaftaran tersebut dikeluarkan (*shall be received as evidence of facts and particulars relating to the birth of the child in respect of whom the certificate of birth was issued*).

[30] Saya berpendapat berdasarkan sijil kelahiran yang baru, melalui

Operasi Undang-Undang, keperluan dibawah Bahagian II s 1 perenggan (a) Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan telah dipenuhi. Ekoran daripada itu, saya memutuskan anak ini adalah seorang warganegara Malaysia melalui operasi undang-undang menurut art 14 (1)(b), Bahagian II s (1) perenggan (e) s (3) Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan

[31] Bagi memutuskan isu yang dibangkitkan, saya juga dipandukan kepada keputusan kes-kes yang relevan. Pertama, saya merujuk kepada kes *Lee Chin Pon & Anor v Registrar-General of Birth and Deaths, Malaysia* [2010] (unreported) [2010]. Fakta dalam kes *Lee Chin Pon & Anor* adalah sama dengan fakta kes ini. Dalam kes *Lee Chin Pon & Anor*, anak tersebut telahpun dijadikan anak angkat melalui permohonan di Mahkamah Tinggi. Kedua-dua ibu bapa kandung anak tersebut juga tidak dapat dikesan. Sijil kelahiran baru mencatitkan ibu dan bapa angkat sebagai ibu dan bapa kandung. Hakim Lau Bee Lan membenarkan permohonan semakan kehakiman pemohon bahawa anak tersebut adalah seorang warganegara Malaysia melalui operasi undang-undang.

[32] Saya juga telah merujuk kepada kes yang tidak dilaporkan iaitu kes-kes *Leong Peng Kheong & Anor v Registrar-General of Births and Deaths Malaysia* Application for Judicial Review No 25–102–05 of 2014; *Leong Peng Kheong & Anor v Registrar-General of Births and Deaths Malaysia* Application for Judicial Review No 25–103–05 of 2014. Dalam kedua-dua kes ini, kanak-kanak tersebut dilahirkan di Malaysia tetapi ibu dan bapa kandung mereka tidak dapat dikesan. Permohonan semakan kehakiman pemohon untuk mengisytiharkan kanak-kanak tersebut sebagai warganegara Malaysia di bawah perkara 14(1)(b) dan Bahagian II s 1 perenggan (e) dan s 3 Jadual Kedua di dalam Perlembagaan Malaysia telah dibenarkan oleh mahkamah.

[33] Saya juga telah meneliti kes *Foo Toon Aik (suing on his own behalf and as representative of Foo Shi Wen, Child) v Ketua Pendaftar Kelahiran dan Kematian, Malaysia* [2012] 9 MLJ 573. Dalam kes ini Hakim Rohana Yusof memutuskan perintah pengambilan anak angkat tidak melayakkan anak tersebut diisytiharkan sebagai seorang warganegara Malaysia melalui kuatkuasa undang-undang dibawah perkara 9 Akta Pengangkatan 1952.

[34] Berdasarkan alasan-alasan di atas, saya memutuskan anak ini adalah seorang warganegara Malaysia melalui kuatkuasa undang-undang. Ekoran itu saya membenarkan *prayer* 1, 2, 3 dan 4 permohonan semakan kehakiman pemohon-pemohon.

Permohonan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar